SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : *03-5514 2134 (Terus)*
: *03-5544 7042 (Am)*
Fax : *03-5510 3062*

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami PK.Sel. 20279/7/2Jld.8 (4)

Tarikh : 14 Rejab 1432 H
21 Jun 2011

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 50 TAHUN 2011

GARIS PANDUAN CARA PEMAKAIAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN (DKBPP) DAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI (DKBPN)

... Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan email yang saya terima daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Rasmi Kerajaan bertarikh 16 Jun 2011 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian** mengenai tatacara pemakaian Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP) dan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri (DKBPN) dan untuk maklumat lanjut sila layari laman web http://www.istiadat.gov.my.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.

Dato' Hj:Mohammed Khusrin Bin Hj. Munawi

From: Datuk Zainol Bin Othman [zainol@pajpm.gov.my]
Sent: Thursday, June 16, 2011 10:07 PM
To: Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan; Ketua Jabatan Persekutuan; Ketua Badan Berkanun Persekutuan; Ahli Mesyuarat Pengurusan JPM; Setiausaha Kerajaan Negeri - SUK
Cc: YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Bin Haji Hassan; Ksn Zafir; Puan Rahmah Binti Ramli; Zureen Ksn; Nordziah binti. Mohamed; YBhg. Datuk Wan Hamidah Binti Wan Ibrahim; Kamis b. Samin; rosliana@istiadat.gov.my
Subject: Panduan Pemakaian Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Persekutuan
Attachments: Tatacara pemakaian.pdf

Assalamualaikum ww

Salam Sejahtera/Salam 1 Malaysia,

Y.Bhg/YB Tan Sri/Datuk/ Dato' Seri/Dato' Wira/Dato'/Tuan/Puan,

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
Setiausaha Kerajaan Negeri
Selangor

Izinkan saya menarik perhatian mengenai tata cara pemakaian Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP) dan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri (DKBPN), seperti **garis panduan** berikut:

A. Pakaian

i. Pakaian Rasmi Jawatan/ Pakaian Rasmi Darjah (**No. 1 Dress**) bagi Majlis Rasmi Beristiadat Pada Waktu Siang; dan
ii. Pakaian Rasmi Jawatan/ Pakaian Rasmi Darjah (**Mess Kit**) bagi Majlis Rasmi Beristiadat Pada Waktu Malam.

B. Pemakaian Kalung

Kalung Darjah **hanya boleh** dipakai pada hari-hari yang ditetapkan sebagai "**Hari Kalung**" seperti berikut;

i. Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
ii. Istiadat Mengadap Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
iii. Istiadat pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari pertama;
iv. Istiadat Pembukaan Persidangan Parlimen;
v. Istiadat Menyambut Keberangkatan Tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Pada Hari Pertama;

DITERIMA
17 JUN 2011
Timbalan Setiausaha
Kerajaan Selangor
(Pengurusan)

vi. Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan dan Menandatangani Surat Pengisytiharan Memegang Jawatan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, serta Istiadat Mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
vii. Istiadat Mengucap Selamat Berangkat Pulang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; dan
viii. Istiadat Mengadap yang ditentukan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Kalung **tidak boleh** dipakai dalam majlis pada **waktu malam**.

C. Susunan kekananan DKBPP dan DKBPN

i. Susunan kekananan DKBPP mengambil keutamaan berbanding DKBPN; dan
ii. Sekiranya hadir pada **majlis anjuran negeri** maka **Darjah Kebesaran Negeri** yang berkenaan **boleh diberi keutamaan**.

Bersama-sama ini disertakan gambar-gambar untuk panduan pemakaian Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan.

2. Dalam hubungan ini, Y.Bhg/YB Tan Sri/Datuk/ Dato' Seri/Dato' Wira/Dato'/Tuan/Puan, bolehlah merujuk laman web http://www.istiadat.gov.my bagi mendapatkan panduan pemakaian DKBPP dengan lebih terperinci. Pada masa yang sama, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa dalam proses menyediakan buku panduan pemakaian DKBPP yang dijadual akan diterbitkan menjelang akhir tahun ini.

Terima kasih jua.

(ZAINOL OTHMAN)
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Rasmi Kerajaan.

Information from ESET NOD32 Antivirus, version of virus signature database 6213 (20110616)

The message was checked by ESET NOD32 Antivirus.



Pemakaian pada hari kalung – lelaki



Pemakaian pada hari kalung – perempuan



Pakaian mess kit lelaki



Pakaian mess kit perempuan